



# Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Seksyen Media  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
Tel : 03-2617 9812 Faks : 03-2694 1373  
e-mail : akhbar@dbkl.gov.my

( )dlm.DBKL / UHEAA / 04/ 02

## **MAKLUMBALAS MEDIA**

Pengarang  
Sinar Harian

### **Penduduk hadapi risiko rumah runtuh**

Kami merujuk kepada artikel berkenaan bertarikh 4 Julai 2009 dan ingin memaklumkan mengenainya.

Siasatan tapak di Lot 4072, Jalan Segambut, Mukim Batu Kuala Lumpur pada 7 Julai 2009 mendapati aktiviti mesin pembancuh simen telah diberhentikan dan mesin pembancuh telah dipindahkan daripada tapak sedia ada. Pihak DBKL juga mendapati tiada pekerja atau petugas yang ditemui di tapak tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat 3 buah lori pembancuh simen dan sebuah kontena serta beberapa peralatan binaan di atas tapak tersebut.

Sehubungan dengan itu, DBKL akan melakukan pemantauan berterusan bagi memastikan beberapa peralatan yang berkaitan serta beberapa buah lori dipindahkan dan tiada sebarang aktiviti dijalankan di tapak tersebut tanpa kebenaran perancangan yang sah.

Sekian.

**ANWAR BIN MOHD ZAIN**

Pengurus Komunikasi Korporat  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur  
8 Julai 2009  
15 Rejab 1430H